

BAB I

BAB SATU PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Kebiasaannya pada setiap tahun sama ada persatuan induk, persatuan anak negeri mahupun kolej kediaman di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) sering melaksanakan aktiviti-aktiviti bercorak khidmat masyarakat. Antaranya ialah bakti siswa atau lebih dikenali sebagai Operasi Khidmat Masyarakat (OPKIM)¹. Tetapi satu-satunya aktiviti khidmat masyarakat yang dilaksanakan oleh Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM)² ialah OPKIM.

Ini menunjukkan mahasiswa sentiasa mengambil berat bukan sahaja terhadap kebajikan mahasiswa di kampus malahan turut prihatin kepada masyarakat luar. Hal ini membuktikan kesedaran mahasiswa sendiri dalam usaha mendekati diri mereka dengan masyarakat.

Sejajar dengan matlamat itu, maka setiap tahun PMUM melaksanakan aktiviti khidmat masyarakat ini. Di samping dapat menyumbang bakti kepada masyarakat, sebenarnya ia juga dapat melatih mahasiswa sendiri bagaimana ingin berhadapan dengan masyarakat kelak sekaligus memberi pengalaman untuk berorganisasi dengan lebih baik.

¹ Selepas ini Operasi Khidmat Masyarakat ditulis singkatannya iaitu OPKIM.

² Selepas ini Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya ditulis singkatannya iaitu PMUM.

1.1 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Walaupun imej mahasiswa sejak kebelakangan ini sedikit terjejas berikutan beberapa isu yang mencetuskan perasaan kurang senang seperti soal meritokrasi, prestasi akademik pelajar Melayu lemah dan dilabel propembangkang oleh sesetengah pihak, namun peranan mereka sebagai penggerak asas pembangunan masyarakat tetap penting. Ironinya, walau apapun tanggapan, persepsi dan pandangan daripada pihak-pihak tertentu terhadap golongan mahasiswa, realiti yang tidak seharusnya kita lupa bahawa golongan ini telah banyak menyumbang khidmat bakti kepada masyarakat khususnya penduduk di luar bandar. Khidmat dan sumbangan mereka dilaksanakan melalui aktiviti-aktiviti persatuan mahasiswa yang berdaftar di universiti dan telah mendapat kelulusan dari Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP).

Maka sewajarnya kita sebagai anggota masyarakat, peranan dan sumbangan golongan mahasiswa ini tidak boleh dipandang remeh apatah lagi diperkecilkan begitu sahaja kerana di sebalik perjuangan mereka ini tersirat aspirasi untuk kepentingan masyarakat sejagat. Justeru itu usaha-usaha mereka ini sewajarnya dinobatkan sebagai suatu usaha yang murni kerana melalui aktiviti khidmat masyarakat ini telah membuktikan kesedaran dan keprihatinan mahasiswa terhadap peranan mereka sebagai jurubicara masyarakat dan agen perubahan sosial.

Menyedari akan hakikat ini maka penulis tertarik untuk melakukan penyelidikan mengenai salah satu aktiviti dalam khidmat masyarakat yang dianjurkan oleh salah sebuah persatuan mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Di dalam hal ini penulis memilih PMUM sebagai latar belakang kajian kerana ia merupakan organisasi tertinggi yang menaungi semua persatuan di Universiti Malaya. Sekaligus ia

juga merupakan sebuah organisasi yang berdaftar dan bergerak aktif dalam menjalankan aktiviti-aktiviti khidmat masyarakat sama ada terhadap masyarakat kampus mahupun masyarakat luar terutamanya penduduk di luar bandar. Tambahan pula di universiti perdana ini juga bermulanya sejarah gerakan dan kebangkitan mahasiswa dalam menangani persoalan pembelaan nasib masyarakat di negara ini disekitar tahun 1970-an.

Manakala penyelidikan yang dilakukan oleh penulis terhadap aktiviti khidmat masyarakat yang dilaksanakan oleh PMUM ialah OPKIM. Aktiviti khidmat masyarakat ini sememangnya tidak asing lagi di kalangan mahasiswa dan masyarakat kerana peluang bersama-sama lingkungan bukan keluarga jarang-jarang diperoleh. Aktiviti ini sering mendapat perhatian mahasiswa kerana bukan sahaja mereka dapat berbakti kepada masyarakat, malahan pada masa yang sama mereka turut mendapat keluarga angkat. Tambahan pula masyarakat tidak keberatan untuk menerima kedatangan para mahasiswa dengan pelbagai pengisian aktiviti yang disusun di dalam OPKIM ini. Malahan melalui aktiviti khidmat masyarakat ini mahasiswa dan masyarakat luar bandar diharap agar dapat belajar tentang kehidupan bermasyarakat di samping bertukar-tukar pandangan demi kepentingan bersama pada masa akan datang.

Dalam usaha menjayakan OPKIM ini tidak dinafikan ia memerlukan peruntukan perbelanjaan yang besar. Namun atas rasa prihatin mahasiswa yang mendalam terhadap masyarakat, mahasiswa sedaya upaya mendapatkan tajaan bagi menjamin setiap pengisian aktiviti-aktiviti yang dirancang dapat berjalan dengan lancar dan mencapai objektif program.

Persoalannya apakah kepentingan OPKIM ini hinggalan pada setiap tahun boleh dikatakan PMUM, persatuan-persatuan anak negeri dan kolej-kolej kediaman menganjurkan aktiviti ini. Malahan ia turut mendapat peruntukan yang besar dari Hal Ehwal Pelajar (HEP) dalam menjayakannya. Hal ini terbukti apabila didapati OPKIM yang diadakan pada 2001 yang mana kali ini dikenali pula sebagai Program Perkampungan Kekeluargaan telah mendapat peruntukan sebanyak RM4000.00 dari pihak HEP³. Sehubungan itu sejauhmanakah aktiviti-aktiviti ini dapat memberi keberkesanan kepada mahasiswa dan masyarakat terbabit. Apakah melalui aktiviti khidmat masyarakat ini mahasiswa mampu mengenalpasti setiap permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat terbabit di samping menyumbang idea-idea bernas bagi membantu masyarakat mencapai kemajuan dari segi sosial, ekonomi, pendidikan dan sebagainya. Adakah sekadar mendapat keluarga angkat atau mendapat pengalaman di tempat orang?. Atau sekadar mengisi aktiviti tahunan persatuan? Inilah titik persoalan dan latar belakang masalah kajian yang hendak penulis kupas dan bincangkan.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengkaji tentang perkembangan dan penubuhan PMUM sebagai sebuah organisasi pelajar yang berdaftar di kampus Universiti Malaya. Melalui penelitian ini penulis dapat membuat rumusan tentang aktiviti-aktiviti khidmat masyarakat yang dilaksanakan oleh PMUM terhadap mahasiswa sendiri mahupun masyarakat luar.
- ii. Walaupun kehidupan mahasiswa masih di alam kampus, namun ciri-ciri sebagai seorang pemimpin sudah terserlah. Lantaran itu di dalam kajian ini penulis turut mempamerkan corak kepimpinan PMUM yang sememangnya diakui wujud di

³ Mohd.Hasdi B. Mohamed (2001), "Program Perkampungan Kekeluargaan - INTIM 2001" (Kertas Kerja Dasar, MPMUM, Kuala Lumpur), hlm 20-21.

kalangan pemimpin mahasiswa khususnya PMUM yang mendominasi kepemimpinan kampus di Universiti Malaya. Walau bagaimanapun penulis hanya menyentuh persoalan ini secara tidak langsung sahaja yang mana ia hanya dapat dilihat di sebalik kejayaan mahasiswa itu dalam mengendali dan menjayakan aktiviti-aktiviti berbentuk khidmat masyarakat yang dirancang.

- iii. Untuk mengetahui apakah faktor-faktor yang mendorong penglibatan mahasiswa menyertai OPKIM pada setiap tahun. Oleh itu penulis membuat penyelidikan lapangan terhadap OPKIM yang diadakan pada tahun 2001 yang mana pada kali ini dikenali sebagai Program Perkampungan Kekeluargaan. Di samping itu ingin mengetahui sejauhmanakah itu ingin tahap kepuasan pengisian aktiviti-aktiviti dalam Program Perkampungan Kekeluargaan ini.
- iv. Ingin melihat dengan lebih dekat lagi sejauhmanakah aktiviti khidmat masyarakat ini dapat memberi keberkesanan kepada diri mahasiswa sendiri dan masyarakat luar yang terbabit. Ini kerana Program Perkampungan Kekeluargaan merupakan program terbesar yang diadakan setiap tahun. Tambahan pula program ini sebenarnya memerlukan peruntukan kewangan yang banyak untuk menjayakannya.
- v. Untuk mengenalpasti apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak penganjur iaitu PMUM sepanjang menjayakan Program Perkampungan Kekeluargaan sejak awal gerakkerja dilakukan hinggalah terlaksananya di tapak program di Mukim Ulu Cheka, Jerantut, Pahang.
- vi. Secara tidak langsung dengan terlaksananya aktiviti khidmat masyarakat ini sedikit sebanyak dapat menafikan pandangan dan tanggapan masyarakat sekeliling terhadap pelbagai isu yang hebat diperkatakan sejak kebelakangan ini tanpa melihat sumbangan murni mereka dalam menganjurkan aktiviti-aktiviti khidmat masyarakat. Melalui aktiviti sebegini yang dianjurkan oleh PMUM

dapat membuktikan bahawa mahasiswa turut menitikberatkan masyarakat dengan mendekati permasalahan mereka terutama dalam aspek ekonomi, sosial pendidikan dan keagamaan.

1.3 SKOP KAJIAN

Dalam merangka bentuk kajian ini, penulis hanya akan mengkaji PMUM sahaja daripada 86 persatuan yang berdaftar di Universiti Malaya.⁴ Ini kerana PMUM merupakan persatuan terulung semenjak ditubuhkan Universiti Malaya di Kuala Lumpur sekitar tahun 1958/1959.

Penulis memilih PMUM sebagai latar belakang kajian kerana persatuan ini yang mendominasi kampus Universiti Malaya dan sekaligus sebagai sebuah organisasi yang berdaftar dan bergerak aktif. Tambahan pula di universiti perdana ini juga bermulanya sejarah gerakan dan kebangkitan mahasiswa dalam menangani persoalan pembelaan nasib masyarakat di negara ini disekitar tahun 1970-an.

Di dalam kajian ini juga penulis hanya membincangkan mengenai aktiviti-aktiviti yang berbentuk khidmat masyarakat anjuran PMUM bermula pada tahun 1958-2001. Data-data mengenai aktiviti-aktiviti khidmat masyarakat pada tahun 1958-1990-an amat terhad dan ringkas. Oleh sebab itu penulis membuat penyelidikan terhadap aktiviti khidmat masyarakat atau Program Perkampungan pada tahun 2001 kerana untuk mendapat data yang lebih terperinci.

⁴ *Maklumat Pelajar* (1997). Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaya, hlm 24.

Di sini penulis membincangkan aktiviti-aktiviti khidmat masyarakat bermula dari tahun 1958 iaitu sebaik sahaja Universiti Malaya berpindah ke Kuala Lumpur hingga akhir era 1990-an yang mana penulis membincangnya melalui kajian perpustakaan.

Manakala bagi aktiviti khidmat masyarakat iaitu OPKIM yang dianjurkan oleh PMUM pada tahun 2001 pula penulis mengemukakan dalam bentuk kajian lapangan terhadap Program Perkampungan Kekeluargaan. Di dalam Program Perkampungan Kekeluargaan ini, terdapat pelbagai pengisian aktiviti yang disediakan kepada penduduk setempat bersesuaian dengan pelbagai lapisan masyarakat antaranya ialah Bengkel Motivasi, Kelas Agama dan Fardu 'Ain (KAFA), Pameran dan Jualan, Forum Perdana, Ziarah dan Ramah Mesra, Sukaneka, Gotong-royong, Kenduri Sekampung, Malam Seribu Kenangan dan sebagainya.

Tujuan penulis membataskan rangka kajian ini terhadap aktiviti khidmat masyarakat sahaja agar tajuk disertasi ini mampu digarap dengan baik oleh penulis. Atau dengan kata lain agar penulis tidak menyimpang dari kehendak tajuk sebenar di samping wacananya dapat diolah, dianalisis dan diungkapkan dengan baik oleh penulis selari dengan kehendak tajuk disertasi.

1.4 DEFINISI TAJUK

Sebelum penyelidikan ini dijalankan lebih lanjut adalah penting dilihat pengertian tajuk disertasi terlebih dahulu. Tajuk disertasi yang dibahaskan ialah “Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya: Suatu Kajian Mengenai Aktivitinya Dalam Khidmat Masyarakat”.

Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya merupakan persatuan pelajar yang terbesar di universiti ini. Ia telah wujud seiring dengan tertubuhnya Universiti Malaya.⁵ Manakala dalam buku *Maklumat Pelajar* (1997) pula menyatakan bahawa kesemua pelajar berdaftar di universiti, kecuali Pusat Asasi Sains, Pra Akademi dan pelajar sarjana menjadi ahli satu badan yang dinamakan Majlis Perwakilan pelajar (MPP) PMUM. Penubuhannya adalah mengikut Seksyen 48, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan) 1975.⁶

Perkataan aktiviti mengikut Kamus Dewan ditakrifkan sebagai kegiatan.⁷ Manakala khidmat pula bermaksud perbuatan (pekerjaan) yang menunjukkan kesetiaan atau pengabdian kepada negara dan lain-lain. Ia juga bermakna kerja dan lain-lain untuk memenuhi keperluan orang ramai.⁸

⁵ *Maklumat Pelajar 80/81* (1981), Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaya, hlm 72.

⁶ *Maklumat Pelajar* (1997), Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaya, hlm 24.

⁷ Teuku Iskandar (1998), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 23.

⁸ *Ibid.*, hlm 674.

Masyarakat adalah berasal dari Bahasa 'Arab. Berdasarkan Kamus al-Marbāwī, ia berasal dari *syarika*, *yasyraku*, *syirkan*, *syarikatan* yang beerti bersekutu, berkongsi, berusaha bersama, berniaga dan sebagainya.⁹ Menurut Kamus Dewan, masyarakat bermaksud kumpulan manusia yang hidup bersama di sesuatu tempat dengan aturan dan cara tertentu.¹⁰

Manakala menurut Yusuf Zaki Ya'kub dalam bukunya "Ilmu Masyarakat"¹¹ mendefinisikan istilah masyarakat dengan lebih terperinci iaitu kumpulan manusia yang hidup bersama dalam suatu kehidupan yang tertentu. Maka masyarakat tegasnya ialah perhimpunan atau perkumpulan orang perseorangan yang hidup bersama di sesebuah tempat, di mana mereka menjalankan penghidupan, pekerjaan dan berfikir menurut cara peraturan, tata tertib dan adat istiadat kemasyarakatan yang tertentu.

Berbeza pula dengan pandangan Wan Azmi Ramli dalam bukunya "Pembangunan Masyarakat Dari Perspektif Kebajikan"¹² yang mendefinisikan perkataan masyarakat itu sesuai untuk menerangkan suatu kumpulan manusia yang terjalin oleh kepentingan bersama, seperti bahasa dan loghat, agama dan adat resam daripada bangsa yang terhad pada mereka mempunyai sifat-sifat zahir yang sama sahaja.

⁹ Mohd. Idris Abd. Rauf al-Marbāwī (L.U), *Kamus Idris al-Marbāwī*, Juz. 1, c. ke-14, Lubnan: Beirut, Dar al-Fikr, hlm 43.

¹⁰ Teuku Iskandar (1998), *op.cit.*, hlm 23.

¹¹ Yusuf Zaki Ya'kub (1986), *Ilmu Masyarakat*, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, hlm 6.

¹² Wan Azmi Ramli (1992), *Pembangunan Masyarakat Dari Pperspektif Kebajikan*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd., hlm 13-14.

Berdasarkan definisi yang diberikan terhadap perkataan khidmat dan masyarakat tersebut, maka boleh difahami bahawa khidmat masyarakat yang dimaksudkan di sini ialah kerja-kerja sosial atau kerja amal yang dilakukan secara sukarela oleh sekelompok manusia dengan tujuan untuk mencurahkan bakti kepada orang lain atau masyarakat. Walau bagaimanapun aktiviti khidmat masyarakat yang dimaksudkan di dalam penyelidikan ini ialah difokuskan kepada OPKIM.

1.5 KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Memang tidak dinafikan bahawa banyak kajian yang telah dilakukan oleh para sarjana tentang mahasiswa. Akan tetapi rata-rata kajian hanyalah tertumpu kepada persoalan pergerakan mahasiswa yang lebih cenderung ke arah politik. Hasil pengamatan penulis, masih belum ada lagi pengkaji yang membuat kajian secara khusus tentang sumbangan mahasiswa melalui aktiviti khidmat masyarakat terutamanya terhadap PMUM sendiri. Oleh itu penulis berpendapat masalah kajian terhadap aktiviti khidmat masyarakat iaitu OPKIM atau yang dianjurkan oleh PMUM ini perlu diketengahkan kerana di sebalik pengisian aktiviti-aktiviti yang dirancang sebenarnya tersirat aspirasi untuk kepentingan masyarakat dan mahasiswa sendiri.

Kajian-kajian lepas mengenai mahasiswa di Universiti Malaya amat terhad bilangannya. Terdapat hanya beberapa kajian yang dibuat terutama yang menumpukan perhatian kepada pergerakan politik mahasiswa di kampus. Antara kajian yang pernah dilakukan ialah kajian oleh Muhammad Abu Bakar dalam bukunya "Mahasiswa Menggugat" (1973), telah mengemukakan beberapa fakta tentang peristiwa pergolakan mahasiswa di Universiti Malaya sekitar tahun 1960-an dan awal tahun 1970-an. Zaman peralihan gerakan mahasiswa di Universiti Malaya berlaku di antara tahun 1968-1969

yang mana PMUM telah menunjukkan minat terhadap politik nasional dan antarabangsa dan bergerak aktif dari semasa ke semasa. Kesimpulannya buku ini menampilkan kesungguhan mahasiswa membela masyarakat dan kepekaan mereka terhadap isu semasa.

“Ledakan Ubudiyah” (1986) merupakan hasil tulisan Muhammad Nur Anuar yang digabungkan dengan pengalamannya sendiri sebagai aktivis pelajar ketika bergerak aktif di Universiti Malaya sekitar tahun 1979/1980. Maka kajian ini telah berjaya mengupas suatu perspektif yang luas tentang kehidupan mahasiswa di kampus.

Berlainan pula dengan buku “Kebangkitan Islam Di Kalangan Pelajar” (1990) hasil kajian Zainah Anwar yang menumpukan kajian tentang kebangkitan semula Islam sejak pertengahan tahun 1969. Kajian ini mengesan punca-punca kebangkitan semula Islam di Malaysia dan mengupas bagaimanakah ia bermula di kalangan mahasiswa di negara ini dan di kalangan pelajar tajaan kerajaan yang belajar di England sekitar tahun 1970-an.

Manakala buku “Di Sebalik Tabir Politik Kampus” (1995) hasil tulisan Mohd.Shuhaimi al-Maniri pula memaparkan catatan-catatan pengalaman yang dilalui oleh aktivis kampus dan rakaman peristiwa-peristiwa politik kampus yang dilalui oleh gerakan mahasiswa sejak awal kebangkitan mereka.

Tesis Ph.D hasil kajian Raghavan Rabeendran yang bertajuk “*A Study of the Political Attitudes of Students from the University of Malaya*” (1975) banyak mengemukakan maklumat yang bersifat kuantitatif. Kajian kes ini telah dilakukan di Universiti Malaya pada sesi 1972/1973. Beliau membincangkan tentang sikap, nilai dan

pandangan pelajar terhadap beberapa isu kampus, nasional mahupun antarabangsa selepas tercetus Peristiwa 13 Mei 1969. Penglibatan pelajar di Universiti Malaya dalam politik kampus dan kesan AUKU terhadap aktiviti mahasiswa turut dibincangkan di dalam penyelidikan beliau ini.

Sementara itu latihan ilmiah yang bertajuk “Peranan dan Aktiviti Persatuan Mahasiswa Anak Negeri di Universiti Tempatan: Satu Kajian Khusus Terhadap Persatuan Mahasiswa Pahang Universiti Malaya” (1996) hasil garapan Abdul Razak bin Abdul Majid pula mengupas sejauhmanakah peranan dan aktiviti yang dimainkan oleh persatuan ini terhadap masyarakat kampus dan masyarakat umum.

Beliau telah meninjau perkembangan persatuan ini dan perbezaan dari segi peranan dan aktiviti dengan kegiatan-kegiatan yang dilaksanakan sebelum Akta Kolej dan Universiti (AUKU) dikuatkuasakan. Di samping itu beliau turut membincangkan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan seperti Bengkel Motivasi dan OPKIM untuk melihat sejauhman kedua-dua program tersebut memberi keberkesanan kepada masyarakat dan mahasiswa. Kajian ini mirip kepada penyelidikan penulis, namun tumpuannya adalah Persatuan Mahasiswa Pahang Universiti Malaya (PMPUM) sedangkan penulis memfokuskan kepada PMUM yang merupakan persatuan induk di kampus ini.

Kesimpulannya, didapati kajian lepas lebih banyak membincang dan memfokuskan terhadap pergerakan politik mahasiswa di kampus. Tidak terdapat kajian yang benar-benar menjurus kepada PMUM untuk membincangkan tentang aktiviti dalam khidmat masyarakat. Namun begitu kajian-kajian lepas ini sangat berguna sebagai panduan atau rujukan asas dalam menyempurnakan penyelidikan penulis yang bertujuan untuk menambah lagi kajian yang bersifat akademik.

1.6 METODOLOGI PENYELIDIKAN

Metodologi merupakan kaedah yang sangat penting di dalam kajian ilmiah. Ia bermaksud ilmu tentang cara membuat penelitian agar hasil yang di utarakan itu mempunyai fakta yang tepat lagi jelas.¹³

Koentjaraningrat menjelaskan bahawa metodologi berasal daripada bahasa Greek '*methods*' yang bermaksud cara dan '*logos*' pula beerti ilmu. Oleh itu apabila digabungkan kedua-duanya mcm bawa maksud ilmu tentang cara.¹⁴

Di dalam buku *Methods of Social Research* pula menjelaskan bahawa metod merupakan satu teknik atau kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mengumpul data. Metodologi pula sebagai falsafah kepada proses penyelidikan, ini termasuk andaian-andaian dan nilai-nilai yang dianggap rasional untuk penyelidikan dan juga merupakan kriteria yang digunakan oleh penyelidik untuk menterjemahkan data dan menghasilkan suatu kesimpulan.¹⁵ Ia merupakan suatu prosedur yang mesti diikuti demi mendapat pengiktirafan dan kualiti yang tinggi di dalam penyelidikan yang dijalankan. Sesuatu kajian ilmiah akan dikira bermutu seandainya metodologi yang digunakan tepat dan sesuai dengan objektif dan tujuannya.¹⁶

Secara ringkasnya dapatlah disimpulkan bahawa metodologi merupakan kaedah atau cara yang diperlukan di dalam menyiapkan kajian ilmiah. Hasil kajian dikira berkualiti sekiranya kaedah yang digunakan tepat dan bersesuaian dengan matlamat

¹³ Imam Barnadib (1982), *Erti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, hlm 51.

¹⁴ Koentjaraningrat (1972), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, c.7. Jakarta: PT Gramedia pustaka Utama, hlm 7.

¹⁵ Kenneth D. Bailey (1978), *Methods of Social Research*, c.1. New York: A Division of MacMillan Publishing Co.Inc, hlm 26.

¹⁶ Stephen Isaac dan William B. Michael (1990), *Handbook In Research And Evaluation*, Edisi 2, San Diego: Edits Publishers, hlm 2.

pengkajiannya. Dalam usaha untuk mendapatkan data dan fakta yang diperlukan dalam kajian ini, penulis telah menggunakan dua kaedah utama iaitu melalui penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan.

Penyelidikan pula ialah sesuatu yang dijalankan sama ada untuk mengetahui apa yang sedang berlaku dan akan berlaku bagi menambah pengetahuan.¹⁷ Menurut Tuckman dalam tulisan Sidek Mohd Noah¹⁸ pula menyatakan bahawa penyelidikan ialah satu usaha yang sistematik untuk mendapat jawapan kepada sesuatu masalah.

Oleh itu penyelidikan ialah tatacara yang teratur dan sistematik, digunakan untuk mengetahui sesuatu perkara yang telah, sedang dan akan berlaku bagi tujuan menambah ilmu pengetahuan.

Untuk melengkapkan penyelidikan dan mendapatkan maklumat serta data yang diperlukan, penulis menggunakan beberapa metod penyelidikan. Di antaranya ialah:

1.6.1 METOD PENENTUAN SUBJEK (SASARAN)

Metod ini digunakan untuk membataskan subjek kajian penulis kerana setiap penyelidik tidak akan mampu untuk meneliti seluruh objek di dalam subjek kajiannya. Oleh itu melalui metod ini penulis akan dapat menentukan subjek yang ingin diselidiki dengan menggunakan kaedah "*sampling*".

¹⁷ Mohd Sheffie Abu Bakar (1991), *Metodologi Penyelidikan Untuk Ekonomi dan Bidang-bidang Berkaitan*, Edisi ke.2, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm 12.

¹⁸ Sidek Mohd Noah (2000), *Reka Bentuk Penyelidikan, Falsafah, Teori dan Praktis*, Serdang: Universiti Putra Malaysia, hlm 2.

Maka dalam menentukan subjek penyelidikan ini, penulis telah menggunakan metod “*sampling*” iaitu dengan membincangkan Program Perkampungan Kekeluargaan anjuran PMUM yang diadakan pada tahun 2001 sebagai objek penelitian. Populasi kajian terdiri daripada dua kelompok iaitu mahasiswa dan masyarakat setempat yang terlibat dalam program ini yang diadakan di Mukim Ulu Cheka, Jerantut, Pahang.

Penulis menggunakan sampel rawak lapis atau juga dikenali sebagai rawak berstrata¹⁹ bagi mewakili setiap kelompok tersebut. Bagi kelompok mahasiswa, penulis telah memilih seramai 70 orang responden sebagai sampel kajian. Manakala bagi kelompok masyarakat pula, penulis memilih 40 orang responden yang terdiri daripada 10 orang pelajar sekolah rendah dan 30 pelajar sekolah menengah yang mengikuti Bengkel Motivasi. Manakala 32 orang dari jumlah tersebut dipilih sebagai responden yang mengikuti Kelas Agama dan Fardu ‘Ain (KAFA) sebagai sampel kajian. Ini kerana lapan orang daripadanya adalah pelajar bukan beragama Islam dan tidak mengikuti aktiviti ini.

Seperti yang telah dimaklumkan bahawa dalam Program Perkampungan Kekeluargaan ini, terdapat sembilan pengisian aktiviti yang disusun untuk mahasiswa dan masyarakat terbabit. Kebanyakan pengisian aktiviti-aktiviti tersebut dilaksanakan pada hari yang berlainan dan diadakan di tempat yang khusus. Maka keadaan ini tidak merumitkan penulis untuk membuat pemerhatian terhadap setiap aktiviti yang dilaksanakan. Walau bagaimanapun terdapat beberapa aktiviti yang dilaksanakan melibatkan beberapa buah

¹⁹ Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan Suatu Sorotan*, c.1. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dan Intel Multimedia And Publication, hlm 43.

kampung sebagai tapak pelaksanaan aktiviti tersebut. Antaranya ialah Bengkel Motivasi dan Kelas Agama dan Fardu 'Ain (KAFA) yang melibatkan empat buah sekolah yang terletak di kampung-kampung yang berasingan. Maka di sini penulis memilih lokasi aktiviti yang diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Damak sebagai sampel kajian untuk membuat pemerhatian terhadap kedua-dua pengisian aktiviti ini.

Manakala bagi aktiviti gotong-royong dan kenduri sekampung pula, penulis telah memilih Kampung Damak sebagai sampel kajian dalam melakukan pemerhatian dan temubual dengan penduduk kampung.

1.6.2 METOD PENGUMPULAN DATA

Menurut Koenjaraningrat, metod pengumpulan data ialah usaha yang dilakukan dengan cara pengumpulan data dan penafsiran terhadap data yang telah dikumpul.²⁰

I) PENYELIDIKAN PERPUSTAKAAN

Melalui kaedah ini penulis telah menggunakan metod historis dan dokumentasi dalam mendapatkan data.

²⁰ Koenjaraningrat (1972), *op.cit.*, hlm 197-198.

a) Metod Historis

Metod Historis digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang sesuatu peristiwa yang telah berlaku. Melalui metod ini ia dapat menerangkan secara sistematik mengapa sesuatu peristiwa berlaku. Metod ini amat penting bagi mengumpul serta menentukan bukti dan fakta secara sistematik dan objektif.²¹ Metod ini digunakan dengan tujuan untuk mendapatkan fakta-fakta yang sebenar dan data-data mempunyai nilai sejarah.

Penulis telah menggunakan metod ini dalam usaha mendapatkan maklumat dan data berkenaan dengan latar belakang penubuhan PMUM dan sejarah perkembangan aktiviti-aktiviti khidmat masyarakat yang dilaksanakannya sejak awal penubuhan Universiti Malaya di Kuala Lumpur sekitar tahun 1958/1959 hinggalah akhir 1990-an sepertimana yang dibincangkan di dalam bab kedua.

b) Metod Dokumentasi

Metod Dokumentasi ialah cara pengumpulan data dengan melakukan penyelidikan terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah-masalah yang dikaji. Dokumen bermaksud benda bertulis yang dapat memberikan pelbagai keterangan.²² Kenneth D. Bailey pula mendefinisikannya sebagai sebarang bahan bertulis yang mengandungi maklumat tentang sesuatu fenomena yang hendak dikaji.²³

²¹ Mohd Majid Konting (1998), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, c.4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 87.

²² Imam Barnadib (1982), *op.cit.*, hlm 55.

²³ Kenneth D. Bailey (1978), *op.cit.*, hlm 266.

Penulis menggunakan metod ini untuk memperolehi sumber-sumber yang boleh dipercayai untuk melakukan kajian ini. Data-data yang dikumpul adalah diperoleh daripada sumber primer dan sekunder. Pada umumnya penulis menggunakan sumber seperti buku-buku bacaan, majalah, kertas kerja, kertas kerja seminar, risalah, akhbar, minit mesyuarat aktiviti, kertas kerja dasar projek, kertas kerja PMUM, surat rasmi, laporan program atau aktiviti dan sebagainya. Penulis mengaplikasikan sepenuhnya metod ini dalam bab kedua dan ketiga.

Secara keseluruhan rujukan penulis adalah terdiri daripada buku-buku dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa 'Arab. Penulis mendapatkan data dan maklumat daripada bahan-bahan bacaan primer dan sekunder dari beberapa buah perpustakaan seperti berikut:

- Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
- Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Perpustakaan Za'aba, Universiti Malaya.
- Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Gombak.
- Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Perpustakaan Universiti Putra Malaysia.
- Perpustakaan Awam Islam, Kuala Lumpur.
- Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur.

II) PENYELIDIKAN LAPANGAN

Oleh kerana kajian yang diusahakan oleh penulis adalah berbentuk penyelidikan lapangan, kaedah-kaedah pengumpulan data seperti observasi (pengamatan), temubual dan soal selidik turut dilakukan untuk memperolehi data dan maklumat.

a) Metod Observasi

Observasi ialah suatu pengamatan yang terancang ke atas sesuatu keadaan bagi membolehkan penyelidik membuat deskripsi yang jelas terhadap keadaan itu. Seseorang pemerhati harus menentukan peranannya semasa proses observasi itu, sama ada akan menyeludup masuk ke dalam keadaan yang dikaji dan menyertai semua aktiviti yang terlibat tanpa disedari oleh mereka yang ada atau beliau hanya bertindak sebagai pemerhati yang memerhati dari luar.²⁴

Metod ini dipraktikkan bagi tujuan memperkuatkan sesuatu dapatan atau fakta.²⁵ Melalui metod ini penulis telah membuat pemerhatian secara langsung dengan turut serta dalam Program Perkampungan Kekeluargaan yang diadakan di Mukim Ulu Cheka, Jerantut, Pahang Darul Makmur pada 21-27 Oktober 2001.

²⁴ Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan Suatu Sorotan*, c.1. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dan Intel Multimedia And Publication, hlm 60.

²⁵ William G. Zikmund (1991), *Research Methods*, Edisi 3, Philadelphia: The Dryden Press, hlm 142-145.

Di dalam program tersebut, penulis telah melibatkan diri dalam semua pengisian aktiviti yang dilaksanakan. Tetapi ia lebih bersifat sebagai pemerhati yang memerhati dari luar. Ia bertujuan untuk menilai sejauhmanakah pelaksanaan aktiviti khidmat masyarakat anjuran PMUM ini menepati objektif program dan sejauhmanakah keberkesanan pelaksanaan aktiviti khidmat masyarakat tersebut dapat dijayakan. Apa yang lebih penting melalui program tersebut penulis dapat melihat sendiri keakraban hubungan dua hala antara mahasiswa dan masyarakat setempat yang sememangnya saling perlu-memerlukan antara satu sama lain.

b) Metod Temubual

Metod ini digunakan untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan dari responden dengan cara bercakap-cakap secara berhadapan muka dengan orang berkenaan.²⁶ Penulis menggunakan kaedah ini untuk mendapatkan data primer khususnya pimpinan PMUM yang mengendalikan aktiviti-aktiviti khidmat masyarakat. Melalui metod ini penulis menemui beberapa orang responden yang dapat dijadikan pemberi maklumat utama dalam kajian ini. Berdasarkan metod ini, penulis telah menemubual beberapa orang exco pimpinan PMUM seperti Penolong Setiausaha II, Pengerusi Biro Integrasi dan Kemasyarakatan, serta Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Pelaksana Program Perkampungan Kekeluargaan. Hal ini bertujuan untuk mendapatkan keterangan, maklumat dan juga data dari mereka sepanjang mengendalikan program khidmat masyarakat ini supaya penulis sentiasa

²⁶ Koentjaraningrat (1972), *op.cit.*, hlm 129.

mengetahui perkembangan aktiviti yang dijalankan. Penulis menggunakan metod ini dalam bab kedua, ketiga dan keempat.

Di samping itu penulis turut menggunakan metod temubual tanpa struktur atau temubual tak seragam bagi membolehkan penulis dapat mengesahkan apa yang difahami dari keadaan atau untuk mendapatkan maklumat lanjut.²⁷ Dalam hal ini penulis telah menemubual beberapa orang responden di kalangan mahasiswa dan penduduk-penduduk kampung yang menyertai Program Perkampungan Kekeluargaan bagi menyingkap sejauhmanakah di sebalik pengisian aktiviti-aktiviti yang diatur dapat memberi keberkesanan kepada mereka. Penulis menggunakan metod temubual tanpa struktur dalam bab ketiga dan keempat.

c) Metod Soal Selidik

Metod ini merupakan suatu daftar yang berisi suatu rangkaian pertanyaan mengenai sesuatu hal atau sesuatu bidang dengan tujuan untuk mendapatkan jawapan daripada responden. Atau dengan kata lain metod ini berbentuk satu senarai soalan-soalan yang bertulis dan disediakan oleh penulis sendiri untuk diberikan kepada individu dalam kumpulan tertentu bagi mendapatkan data melalui jawapan yang diberikan oleh informen.²⁸

²⁷ Idris Awang (2001), *op.cit.*, hlm 60.

²⁸ Samarudin Rejab, Nazri Abdullah (1985), *Panduan Menulis Tesis*, c.2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 34.

Penulis telah mengedarkan dua bentuk soal selidik iaitu set soal selidik yang pertama penulis memilih mahasiswa yang merupakan peserta Program Perkampungan Kekeluargaan ini sebagai responden.²⁹

Seramai 70 orang daripada 209 populasi dipilih sebagai responden. Mereka terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi yang melibatkan diri atau peserta yang menyertai Program Perkampungan Kekeluargaan ini.

Manakala set borang soal selidik kedua pula penulis memilih para pelajar sekolah di mukim ini yang mengikuti Bengkel Motivasi dan Kelas Agama dan Fardu 'Ain (KAFA) sebagai responden.³⁰ Penulis memilih 40 orang pelajar sebagai responden dalam Bengkel Motivasi. Manakala 32 orang sahaja daripadanya pula sebagai responden dalam KAFA kerana 8 orang daripada responden tersebut merupakan pelajar non-muslim dan tidak mengikuti aktiviti KAFA. Penulis memilih pelajar-pelajar ini sebagai responden kerana mereka dapat menilai sendiri sejauhmanakah kedua-dua aktiviti tersebut memberi keberkesanan kepada mereka khususnya dan masyarakat umumnya.

Penulis memilih responden secara rawak terhadap responden yang menyertai Program Perkampungan Kekeluargaan ini. Ia bertujuan untuk mendapatkan pandangan, sikap dan maklumbalas dari mereka terhadap pengisian aktiviti-aktiviti di dalam program tersebut. Penulis menggunakan metod ini dalam penyelidikan kerana penulis memikirkan ia lebih menjimatkan masa dan kos memandangkan program ini memerlukan masa selama seminggu dan ia melibatkan satu mukim yang melibatkan tujuh buah kampung yang

²⁹ Borang soal selidik, lihat lampiran A.

³⁰ Borang soal selidik untuk pelajar sekolah yang terlibat dengan Bengkel Motivasi dan KAFA, lihat lampiran B.

berasingan. Jarak yang agak jauh antara satu kampung dengan satu kampung lain dan kedudukan responden yang tinggal secara tidak seragam menyebabkan penulis memikirkan cara yang terbaik ialah dengan menggunakan metod ini bagi mendapatkan data melalui jawapan yang diberikan oleh responden.

Data-data yang diperolehi dianalisa dengan menggunakan program “*Statistical Package for Social Science*” (S.P.S.S) versi 11.0. Seterusnya penulis menganalisis data yang diperolehi bertujuan bagi mendapatkan hasil kajian sepertimana di dalam bab empat.

1.6.3 METOD PENGANALISAAN DATA

Data-data yang diperolehi daripada kaedah-kaedah pengumpulan data di atas, kemudiannya dianalisis dengan menggunakan metod-metod seperti berikut:

a) **Metod Induktif**

Kaedah ini digunakan dalam menganalisa data-data yang diperolehi melalui pola berfikir yang mencari bukti daripada hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang umum.³¹ Penulis menggunakan metod ini untuk menganalisis data sejarah dan perkembangan aktiviti-aktiviti khidmat masyarakat anjuran PMUM yang merupakan sebuah badan pelajar yang mendominasi mahasiswa di Universti Malaya. Penulis mendapatkan data

³¹ Imam Barnadib (1982), *op.cit.*, hlm 52.

sejak kampus Universiti Malaya ditubuhkan di Kuala Lumpur sekitar tahun 1958/59 hingga akhir era 1990-an sepertimana yang dibincangkan di dalam bab kedua.

Di sini penulis dapat merumuskan bahawa aktiviti yang berbentuk khidmat masyarakat bukan terbatas kepada OPKIM sahaja, sebaliknya banyak lagi aktiviti khidmat masyarakat yang dianjurkan oleh PMUM dan bukan sahaja tertumpu kepada masyarakat luar bandar. Malahan turut ditumpukan kepada warga kampus dan masyarakat sekitar kampus Universiti Malaya. Di samping itu terdapat pelbagai pengisian aktiviti yang diatur dalam OPKIM atau Program Perkampungan Kekeluargaan sepertimana yang dibincangkan dalam bab ketiga dan keempat ini.

b) Metod Deduktif

Kaedah menganalisis berdasarkan pola berfikir yang mencari bukti dengan berpegang kepada dalil-dalil yang umum terhadap hal-hal yang khusus.³²

Penulis menggunakan metod ini untuk menganalisis data berkenaan untuk melihat sejauhmanakah keberkesanan aktiviti-aktiviti khidmat masyarakat dapat diberikan kepada mahasiswa dan masyarakat terbabit. Ia juga bertujuan untuk mengetahui sejauhmanakah melalui aktiviti ini bertepatan dengan objektif program pada dasarnya sebagaimana yang diterangkan dalam bab keempat.

³² *Ibid.* Lihat juga Andrian D.De Grook (1969), *Methodology: Foundation of Inference and Research in The Behavioural Sciences*, Belgium: Moutan & Co., hlm 74.

c) **Metod Komparatif**

Metod Komparatif ialah cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi dengan tujuan untuk menjelas sesuatu keadaan.³³ Kaedah ini digunakan untuk membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap data-data yang diperolehi semasa melakukan kajian dan penelitian.³⁴

Dalam kajian ini penulis mengumpul semua data serta dibuat kesimpulan, perbandingan dan generalisasi berdasarkan penemuan kajian terhadap PMUM yang dilakukan oleh pengkaji dan sarjana terdahulu. Penulis menggunakan metod ini untuk menganalisis data berkenaan terhadap peranan dan sumbangan mahasiswa terhadap aktiviti-aktiviti khidmat masyarakat bermula dari tahun 1958/59 hinggalah akhir era 1990-an sebagaimana dalam bab kedua.

1.7 **SISTEMATIKA PENULISAN**

Penulis akan mengemukakan laporan penyelidikan ini dalam lima bab yang mana setiap bab akan dispesifikasikan seperti berikut:

Bab Satu: Mengandungi latarbelakang masalah kajian, pengertian tajuk, kajian-kajian lepas, objektif kajian, skop kajian, metodologi penulisan dan sistematika penulisan.

³³ Idris Awang (2001), *op.cit.*, hlm 83.

³⁴ Gerald S. Ferman dan Jack Levin (1975), *Social Sciences Research*, United States of America: John Wisley & Sons, hlm 79.

Bab Kedua: Bab ini merupakan landasan teori yang mana penulis membincangkan tentang PMUM yang menyentuh latar belakang sejarah penubuhan, matlamat, objektif, hala tuju dan struktur organisasi pentadbiran PMUM. Di samping itu penulis turut membincangkan aktiviti-aktiviti khidmat masyarakat yang dilaksanakan oleh PMUM sejak penubuhannya sekitar tahun 1958/1959 hinggalah akhir era 1990-an.

Bab Ketiga: Menerusi bab ini penulis mengupas tentang aktiviti khidmat masyarakat atau OPKIM yang dianjurkan oleh PMUM pada 2001 iaitu Program Perkampungan Kekeluargaan.

Bab Keempat: Bab ini merupakan laporan penyelidikan dan analisa data. Di dalam bab ini penulis memuatkan laporan penyelidikan dan analisa data yang telah diperolehi dari hasil kajian terhadap Program Perkampungan Kekeluargaan.

Bab kelima: Bab ini merupakan penutup dan kesimpulan terhadap kajian yang dibincangkan. Penulis mengutarakan kesimpulan secara keseluruhan perbincangan daripada setiap bab. Di samping itu penulis turut mengemukakan beberapa saranan yang difikirkan sesuai untuk tindakan pihak yang sewajarnya.